



جائز حاکمین شرعیۃ فتح

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH PAHANG
Kompleks Syariah Al-Sultan Abdullah
Bandar Indera Mahkota
25200 Kuantan
PAHANG DARUL MAKMUR



Tel : 09-531 8666
Faks : 09-531 8747 / 8737
Web : <http://jksp.pahang.gov.my/>
E-mail : jksp@esyariah.gov.my

#MajuTerusPahang #Pahang1st

Ruj. Kami : JKSP 600-1/3/1 (102)
Tarikh : 29 April 2024

Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi Syariah,
Ketua Pendaftar,
Tuan/Puan Hakim Mahkamah Rendah Syariah,
Pendaftar,

**ARAHAN KETUA HAKIM SYARIE NEGERI PAHANG
BIL. 13 TAHUN 2024**

**PENGENDORSAN ARAHAN AMALAN
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA 2023**

Saya ingin menarik perhatian YA Dato'/ YA Tuan/ Tuan/ Puan kepada keputusan Muzakarah Kehakiman Jabatan Kehakiman Syariah Pahang Bil. 1 Tahun 2024 pada 17hb hingga 19hb April 2024 bersamaan 8 Syawal 1445H hingga 10 Syawal 1445H di Xcape Resort, Taman Negara, Jerantut, Pahang yang bersetuju untuk mengesahkan dan mengendorkan Penerimaan, Pengecualian / Penangguhan Pelaksanaan Arahan Amalan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia dari Tahun 2023 sebagaimana Lampiran 1.

Arahan ini berkuatkuasa mulai 2 Mei 2024.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“Syariah Asas Keadilan”**

(DATO' HAJI ABDUL WALID BIN HAJI ABU HASSAN, DIMP., DSPN, SAP, PJK.)
Ketua Hakim Syarie Negeri Pahang.

“SYARIAH ASAS KEADILAN”



CERTIFIED TO ISO 9001:2008 CERT. NO. AR504

STATUS	TAJUK
DITERIMA	No. 01/2023 Tatacara Penukaran Atau Pelepasan Peguam Syarie Jabatan Bnatuan Guaman (JBG) / Peguam Panel JBG
	No. 05/2023 Keperluan Untuk Mengemukakan Carian Rasmi / Persendirian Geran Hak Milik Terkini Semasa Pendaftaran Dan Pada Mana-Mana Peringkat Prosiding Sebelum Pengahkiman Bagi Tuntutan / Permohonan Harta Tak Alih
	No. 07/2023 Keperluan Khas Dalam Menentukan Kadar Nafkah Anak Berstatu Orang Kurang Upaya (OKU)
	No. 08/2023 Pemakaian Garis Panduan Penggunaan Perkhidmatan Jurubahasa Isyarat Bertauliah Dalam Perbicaraan Kes Mal Dan Jenayah Bagi Orang Kurang Upaya (OKU) Kategori Pekak, Dan Penterjemah Bertauliah Bagi Orang Yang Tidak Boleh Bertutur Dalam Bahasa Kebangsaan
	No. 09/2023 Penentuan Bidang Kuasa Mahkamah Syariah Yang Mendengar dan Memutuskan Kes Pengesahan Nikah Tanpa Kebenaran
	No. 10/2023 Penerimaan Nasihat Galakan Untuk Melantik Peguam Syarie Dalam Prosiding Kes Yang Melibatkan Perbicaraan, Rayuan Dan Semakan
	No. 11/2023 Pemakaian Prosedur Operasi Standard (Standard Operation Procedur -SOP) Pelaksanaan Hukuman Sebatatan Di Luar Penjara Bagi Pesalah Syariah
	No. 12/2023 Pemakaian Garis Panduan Perintah Kehadiran Wajib (PKW) Bgai Pesalah Syariah
DIKECUALIKAN/ DITANGGUH/ DIPINDA	No. 02/2023 Penyediaan Dan Pengeluaran Perintah Bertulis Bagi Kes Jenayah Syariah
	No. 03/2023 Peneydiaan Waran Tangkap Dan Notis Kepada Penjamin Bagi Kes Jenayah Syariah
	No. 04/2023 Had Masa Pendafrn Dan Sebutan Kes Jenayah Syariah
	No. 06/2023 Pemakaian Garis Panduan Penentuan Kelayakan Penjaga Ad litem Bagi Kategori Orang Kurang Upaya (OKU), Orang Tak Berkupayaan (OTB) Dan Kanak-Kanak Dalam Prosiding Kes Di Mahkamah Syariah